

Faktor Minat dan Motivasi Murid terhadap Pembelajaran Tilawah Al-Quran di Sekolah Menengah Kebangsaan

Factors of Students' Interest and Motivation Toward Learning Tilawah al-Quran in Secondary Schools

Mohamad Sollehuiddin b. Mohamad Sidek & Nik Mohamad Al-Baihaqi b. Khairol Izaneiy*

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: mohdbaihaqi19@gmail.com

Received: 12 August 2025; **Revision:** 03 November 2025 **Accepted:** 03 November 2025; **Published:** 06 November 2025

To cite this article (APA): Mohamad Sidek, M. S., & Khairol Izaneiy, N. M. A.-B. (2025). Faktor Minat dan Motivasi Murid terhadap Pembelajaran Tilawah Al-Quran di Sekolah Menengah Kebangsaan. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(2), 26-41. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.2.3.2025>

Abstract

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap minat serta motivasi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran di sekolah menengah kebangsaan. Ia meliputi aspek utama, iaitu minat yang lahir dari faktor dalaman dan luaran, motivasi intrinsik dan ekstrinsik, pencapaian murid dari aspek kelancaran bacaan, *fasahah* dan bertajwid, hafazan dan kefahaman intisari ayat al-Quran. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Seramai 76 orang murid sekolah menengah kebangsaan telah dipilih secara rawak. Dapatan kajian telah di analisis secara deskriptif dan inferensi merangkumi frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan korelasi pearson. Dapatan kajian menunjukkan purata min faktor minat dalaman responden terhadap pembelajaran tilawah al-Quran di tahap tinggi (min=4.21) faktor minat luaran di tahap sederhana (min=3.18), faktor motivasi intrinsik di tahap tinggi (min=4.33), faktor motivasi ekstrinsik di tahap tinggi (min=4.26), pencapaian dari aspek kelancaran bacaan, *fasahah* dan tajwid dalam bidang tilawah al-Quran di tahap tinggi (min=4.03), pencapaian dari aspek hafazan dalam bidang tilawah al-Quran di tahap tinggi (min=4.11), dan kefahaman intisari ayat al-Quran dalam kalangan responden di tahap tinggi (min=4.11). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan minat dan motivasi dengan pencapaian dalam pembelajaran tilawah al-Quran ($p < .001$). Ia menunjukkan minat dan motivasi mempengaruhi pencapaian murid serta memberikan kesan terhadap prestasi murid dalam bidang tilawah al-Quran.

Kata Kunci: Minat, Motivasi, Pencapaian, Pembelajaran, Tilawah al-Quran

Abstract

This study aims to identify the level of students' interest and motivation toward learning *tilawah al-Quran* in secondary schools. It covers key aspects including interest derived from internal and external factors, intrinsic and extrinsic motivation, and students' achievement in

terms of fluency, *fasahah* and *tajwid*, memorisation, and comprehension of Quranic content. The research employed a survey design using a quantitative approach. A total of 76 students from secondary schools were randomly selected as respondents. The data were analysed descriptively and inferentially, involving frequency, percentage, mean, standard deviation, and Pearson correlation. The findings revealed that the mean score for internal interest was high ($M = 4.21$), while the mean score for external interest was at a moderate level ($M = 3.18$). Intrinsic motivation ($M = 4.33$) and extrinsic motivation ($M = 4.26$) were both at high levels. Students' achievement in fluency, *fasahah* and *tajwid* ($M = 4.03$), memorisation ($M = 4.11$), and comprehension of Quranic content ($M = 4.11$) were also at high levels. Furthermore, the study found a significant correlation between interest, motivation, and achievement in learning *tilawah al-Quran* ($p < .001$). These results suggest that students' interest and motivation have a significant influence on their achievement and overall performance in learning Quranic recitation.

Keywords: Interest, Motivation, Achievement, Learning, *Tilawah al-Quran*

Pendahuluan

Islam merupakan agama yang lengkap merangkumi seluruh aspek kehidupan, dengan al-Quran sebagai panduan utama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk membimbing umat manusia. Pengajaran al-Quran digalakkan sejak usia awal bagi membentuk kemahiran bacaan yang betul, fasih dan bertajwid. Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan pelbagai usaha seperti program j-QAF untuk membentuk generasi celik al-Quran, namun kajian-kajian lepas menunjukkan masih ramai murid di pelbagai peringkat belum menguasai bacaan dengan baik. Antara cabaran yang dihadapi termasuk kurangnya penekanan terhadap hukum tajwid dan penguasaan bahasa Arab, yang merupakan kunci memahami kandungan al-Quran. Selain itu, faktor minat memainkan peranan penting dalam pembelajaran tilawah al-Quran bagi memastikan murid kekal cenderung aktif dan fokus. Kepelbagaian kaedah pengajaran sentiasa ditambahbaik bagi meningkatkan motivasi dan minat murid, sekaligus memastikan keberkesanan Pendidikan Islam khususnya dalam pembelajaran tilawah al-Quran.

Latar Belakang Kajian

Al-Quran merupakan kitab suci dan sebagai mukjizat kepada Nabi Muhammad SAW. Ia diturunkan kepada Nabi SAW melalui perantaraan malaikat Jibril a.s. Al-Quran sebagai panduan utama untuk umat manusia dengan diutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul untuk dicontohi dan diteladani. Ia merangkumi pelbagai aspek-aspek penting dalam kehidupan sebagai kayu ukur dalam mencorak manusia dalam menjadikan Islam bukan berkaitan ibadah semata-mata bahkan sebagai satu gaya hidup yang bersifat dengan *syumuliyah*. Ketiga-tiga aspek penting di dalam Islam seperti aqidah, syariah dan akhlaq bertunjangkan kepada wahyu (Rozaimi Kamaruddin et al., 2017). Al-Quran telah diturunkan secara beransur-ansur dalam tempoh 23 tahun di Makkah dan Madinah secara beransur-ansur.

Dalam konteks Malaysia, pembelajaran ilmu al-Quran telah berkembang dari generasi ke generasi melalui usaha dakwah dan pendidikan, bermula secara tidak formal di institusi seperti madrasah dan pondok. Kini, pelbagai program dilaksanakan bagi meningkatkan minat mempelajari tilawah al-Quran, namun cabaran tetap wujud, khususnya dalam melahirkan murid yang mahir membaca dan memahami al-Quran. Kurangnya kesedaran tentang kepentingan ilmu ini sering menjadi tumpuan dalam masyarakat Islam. Pengajaran Tilawah al-

Quran bertujuan memastikan murid dapat membaca mengikut hukum tajwid, menghafaz surah pilihan, memahami maksud ayat dan menghayati nilai yang terkandung di dalamnya. Membaca dan menghafal sejak usia awal membantu memperkukuh kefasihan, sebutan dan penguasaan tajwid. Pendidikan al-Quran bukan sahaja membentuk penguasaan bacaan, malah menjadi panduan kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat. Sistem pendidikan negara sejak dahulu hingga kini sentiasa menitikberatkan pembelajaran al-Quran sebagai usaha mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Pelaksanaan kelas khas al-Quran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) serta kelas aliran agama jelas membuktikan komitmen berterusan negara dalam memperkasa penguasaan kemahiran bacaan al-Quran dalam diri para murid dan ilmu yang berkaitan dengannya (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2018).

Pengajaran tilawah al-Quran di peringkat sekolah menengah kini menjadi sebahagian penting daripada kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang berasaskan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1988. Melalui Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), kurikulum baharu Pendidikan Islam diperkenalkan bagi menggantikan kurikulum lama yang digunakan sejak tahun 1982. Semakan kurikulum oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) pada tahun 2002 telah membawa kepada pelaksanaan kurikulum yang disemak semula mulai 2003 bagi murid tingkatan satu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2018). Kandungan mata pelajar Pendidikan Islam KBSM terbahagi kepada dua bidang utama (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005):

1. Tilawah al-Quran yang merangkumi bacaan, hafazan dan kefahaman berserta hadis.
2. Ulum Syariah yang meliputi aspek akidah, ibadah, sejarah Nabi Muhammad SAW, tamadun Islam serta adab dan akhlak Islamiah.

Berdasarkan kurikulum tersebut, tilawah al-Quran bukanlah bidang ilmu yang berdiri sendiri, sebaliknya bersifat menyeluruh dan bersepadu. Ia tidak hanya menekankan aspek pembetulan bacaan semata-mata, malahan ia lebih daripada itu. Hal ini kerana, tilawah al-Quran itu sendiri ternyata meliputi tilawah (bacaan), kefahaman, penghayatan dan amalan. Oleh itu, objektif dan matlamat pendidikan tilawah al-Quran adalah untuk melahirkan para murid yang boleh membaca dan menghafaz al-Quran dengan baik dan fasih, melahirkan para murid yang sentiasa membaca dan menghafaz al-Quran sama ada di rumah mahupun di luar sekolah, melahirkan para murid yang terdidik dengan didikan al-Quran dan melahirkan para murid yang sentiasa menghayati ajaran al-Quran dalam kehidupan mereka (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

Penekanan terhadap bidang tilawah al-Quran semakin terserlah apabila mantan Perdana Menteri Malaysia kelima menunjukkan keprihatinan terhadap tahap penguasaan al-Quran dalam kalangan murid semasa lawatan beliau ke Kementerian Pendidikan Malaysia pada 30 Disember 2003. Hasil daripada keprihatinan tersebut, lahirlah program j-QAF dengan objektif memastikan semua murid Islam dapat khatam al-Quran semasa di peringkat sekolah rendah. Sebelum pelaksanaan program ini, pengajaran tilawah al-Quran di sekolah hanya menumpukan kepada aspek bacaan tanpa penekanan terhadap khatam al-Quran, yang sebelum ini menjadi tanggungjawab masyarakat (Mohd Aderi Che Noh, 2015). Tilawah al-Quran merupakan salah satu komponen penting dalam mata pelajar Pendidikan Islam di bawah KBSM. Bidang ini memiliki keunikan tersendiri berbanding mata pelajar lain kerana ia menuntut kemahiran lisan yang tinggi seperti kelancaran bacaan, penguasaan fasahah, tajwid serta kebolehan membaca al-Quran dengan tertib dan penuh adab.

Salah satu halangan ialah murid tidak menyedari kepentingan ilmu ini, yang menyebabkan mereka lemah dalam pembacaan dan pemahaman al-Quran. Bagi memastikan generasi muda memahami dan menguasai ilmu tilawah al-Quran secara menyeluruh, pendekatan inovatif, bimbingan berterusan, dan kesedaran mendalam tentang nilai al-Quran perlu dilaksanakan. Ini akan membantu mewujudkan masyarakat yang memahami al-Quran dan boleh mengamalkan ajarannya setiap hari (Ernie Sylviana Mohd Zahid, Siti Noor Ain & Mahasin Maeraj, 2020). Kajian lepas menunjukkan minat murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran masih mempunyai ruang penambahanbaikkkan yang berterusan. Di samping itu, murid perlu sentiasa bermotivasi dan melahirkan rasa minat dalam mempelajari tilawah al-Quran. Faktor-faktor kemerosotan pencapaian dan permasalahan dalam pembelajaran yang dikaji oleh pakar-pakar dalam bidang penyelidikan adalah berpunca daripada kurangnya motivasi dan minat seseorang (Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu, 2014). Oleh itu, motivasi dan minat merupakan faktor penting dan perlu dititikberatkan bagi memastikan tercapainya objektif dan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan (SMK).

Permasalahan Kajian

Pembelajaran al-Quran di Malaysia telah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat, dengan kanak-kanak diperkenalkan pelbagai kaedah seperti Iqra sejak kecil. Program j-QAF yang merangkumi Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain dilaksanakan bagi memperkukuh asas pendidikan agama di sekolah rendah. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan masih ramai murid sekolah menengah yang lemah dalam bacaan al-Quran. Masnan Jemali (2005) mendapati 34.5% murid di beberapa sekolah di Perak mempunyai tahap bacaan rendah, manakala Mohd Yakub & Saidi (2008) melaporkan bahawa 60% murid tingkatan empat di Terengganu tidak dapat membaca al-Quran langsung. Keadaan ini membuktikan bahawa penguasaan asas bacaan amat penting kerana kelemahan di peringkat awal akan menyukarkan penguasaan di peringkat seterusnya (Ahmad Tamizi, Rabiatul Adawiyah & Salmiza Saleh, 2020).

Antara faktor utama kelemahan bacaan ialah kekurangan dalam penekanan terhadap hukum tajwid di sekolah rendah (Ab. Halim, 2013) serta tahap penguasaan bahasa Arab yang sederhana (Azlin Ariffin & Muhamad Suhaimi, 2020). Bahasa Arab yang jarang digunakan dalam kehidupan seharian menjadi cabaran untuk memahami makna al-Quran. Minat murid juga menjadi penentu keberkesanan pembelajaran; murid yang berminat cenderung lebih fokus, berusaha gigih dan menikmati proses pembelajaran (Noor Elma et al., 2014). Dalam konteks Tilawah al-Quran, minat yang tinggi dapat meningkatkan motivasi dan penghayatan terhadap ajaran yang dipelajari.

Kaedah pengajaran yang kurang kreatif turut mempengaruhi tahap minat murid. Pendekatan berpusatkan guru, penggunaan kaedah tradisional seperti *chalk and talk*, dan fokus berlebihan pada hafalan tanpa penghayatan sering menyebabkan murid cepat bosan (Kamarul Azmi, 2011; Zahanim Ahmad, 2024). Selain itu, kurangnya penglibatan ibu bapa menjadi faktor yang melemahkan motivasi murid. Kajian Norlizah Che Hassan et al. (2017) menegaskan bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan aktif dengan memberi sokongan dan bimbingan asas al-Quran di rumah. Penglibatan guru, rakan sebaya, dan ibu bapa secara bersama dapat membina suasana pembelajaran yang kondusif serta memupuk minat dan motivasi murid terhadap Tilawah al-Quran.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan kepada tiga objektif yang berikut:

1. Mengenal pasti tahap minat murid sekolah menengah terhadap pembelajaran tilawah al-Quran
2. Mengenal pasti tahap motivasi murid sekolah menengah terhadap pembelajaran tilawah al-Quran
3. Menganalisis hubungan antara minat dan motivasi dengan pencapaian murid sekolah menengah terhadap pembelajaran tilawah al-Quran

Tinjauan Literatur

Terdapat beberapa penyelidik lepas yang memberikan fokus kepada kajian minat murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran dan bidang-bidang lain yang berkaitan. Kajian Annasaii dan Mohd Aderi (2020), mendapati penggunaan permainan Kahoot! berupaya meningkatkan minat dan motivasi murid dalam mempelajari Jawi dan al-Quran dengan lebih berkesan. Hal ini kerana, ia menggabungkan elemen pembelajaran, penilaian, ujian, pengukuran, cabaran, persaingan, serta hiburan. Pendekatan ini bukan sahaja mampu membantu murid memahami al-Quran dengan lebih baik, tetapi juga membolehkan mereka membaca terjemahan dalam tulisan Jawi. Permainan ini bersifat santai, namun dapat mencipta suasana pembelajaran yang aktif dan menyeronokkan. Persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan serta melibatkan interaksi aktif mampu menarik minat dan meningkatkan fokus murid terhadap aktiviti pembelajaran. Ini kerana suasana yang kondusif memberikan rasa selesa kepada murid, sekaligus mendorong mereka untuk lebih bersemangat dalam menyertai proses pembelajaran. Hubungan yang terjalin, sama ada antara guru dengan murid atau sesama rakan, dapat memudahkan pemahaman murid terhadap isi pelajar secara mendalam. Dengan itu, keberkesanan pembelajaran dapat ditingkatkan, seterusnya melahirkan murid yang lebih bermotivasi serta berminat untuk terus menimba ilmu.

Selain itu, kajian Azri Kifli, Jahidih Saili, dan Azmil Hashim (2020) bertajuk “Pengaruh Faktor Minat, Motivasi, Persekitaran Sekolah, Kaedah Pembelajaran Murid dan Strategi Pengajaran Guru Terhadap Tahap Literasi Murid dalam Bidang Qiraat” melibatkan seramai 123 murid tingkatan empat dari sembilan buah SMKA di Sabah. Pembelajaran Qiraat ini dilaksanakan melalui Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ). Penyelidik memilih kajian ini kerana kandungan kurikulum KKQ merangkumi tajwid, hafazan, Ulum al-Quran, dan Taranum. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran, dan strategi pengajaran guru memberi kesan kepada tahap literasi murid dalam bidang Qiraat, yang berada pada tahap sederhana tinggi. Skor min bagi keseluruhan faktor adalah 3.77 dengan sisihan piawai 0.55. Analisis lanjut mendapati bahawa di antara semua faktor yang dikaji, faktor minat menunjukkan pengaruh tertinggi terhadap tahap literasi murid, dengan skor min 3.93 dan sisihan piawai 0.53.

Manakala kajian Norafifah Fadzil (2020) mengenai hubungan diantara persepsi dengan sikap dan minat murid tahfiz bestari dalam pembelajaran bahasa Arab menunjukkan bahawa para murid tidak pernah diberi pendedahan kepada kurikulum Bahasa Arab Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum menyertai program Tahfiz Bestari. Terdapat hubungan positif yang ketara antara persepsi murid dan minat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Arab, seperti yang ditunjukkan oleh nilai korelasi koefisien ($r = 0.673$, $p < 0.01$). Hubungan yang sama turut wujud antara persepsi murid dan sikap mereka terhadap pembelajaran Bahasa Arab dengan

nilai korelasi koefisien ($r = 0.664$, $p < 0.01$). Hubungan ini menunjukkan bahawa semakin baik persepsi murid, semakin tinggi tahap minat mereka terhadap subjek tersebut. Begitu juga, peningkatan persepsi murid akan mendorong pembentukan sikap yang lebih positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Oleh itu, persepsi memainkan peranan penting dalam membentuk minat dan sikap murid terhadap proses pembelajaran (Nur Afifah Fadzil, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi, Ahmad Nurilakmal Norbit, Nuraznan Jaafar, 2020).

Kajian Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof & Saidi Mohd (2008), bertajuk “Keupayaan Bacaan al-Quran dalam kalangan Murid Tingkatan 4: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu.” Daripada dapatan kajian ini, tahap keupayaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid masih berada di tahap yang membimbangkan dan memerlukan kepada penambahbaikan. Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan murid yang mempunyai status sosioekonomi keluarga yang tinggi adalah lebih baik dalam bacaan al-Quran berbanding dengan kumpulan sederhana dan rendah. Berikutan daripada kelemahan murid dalam menguasai bacaan al-Quran, pelbagai usaha telah dilaksanakan di peringkat sekolah mahupun di peringkat kementerian sendiri. Antara cadangan yang dianggap berkesan dalam mengatasi masalah ini ialah memperkenalkan bacaan dan hafazan al-Quran sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum pendidikan negara.

Berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan faktor minat, persepsi positif, dan pendekatan pengajaran yang interaktif merupakan faktor utama dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran al-Quran. Usaha penambahbaikan perlu terus dijalankan agar pembelajaran al-Quran dapat dilaksanakan dalam suasana yang bermotivasi, dan relevan dengan keperluan murid masa kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat faktor minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran di dalam silibus Pendidikan Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Seramai 76 orang murid tingkatan tiga dipilih sebagai responden dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Responden dipilih dalam kalangan murid tingkatan tiga (berumur 15 tahun). Faktor minat dan motivasi sangat mempengaruhi prestasi akademik dan pembelajaran agama dalam peringkat umur tersebut. Data kajian telah dikutip menggunakan instrumen soal selidik. Ia meliputi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A mengandungi latar belakang demografi responden. Bahagian B pula mengandungi item-item berkaitan dengan tahap minat murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran. Manakala, bahagian C mengandungi item tahap motivasi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran. Bahagian D mengandungi item berkaitan pencapaian murid dalam bidang tilawah al-Quran. Semua item dinilai dengan menggunakan skala likert lima mata. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Sosial Science (SPSS)* untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan nilai min. Analisis deskriptif juga menggunakan interpretasi skor min bagi menunjukkan tahap setuju yang tinggi dengan purata nilai min 3.67 hingga 5.00, tahap sederhana dengan purata nilai min 2.34 hingga 3.66 dan tahap rendah dengan purata nilai min 1.00 hingga 2.33. Purata nilai min dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 - 1.50	Sangat Rendah
1.51- 2.50	Rendah
2.51- 3.50	Sederhana

bersambung

3.51- 4.50	Tinggi
4.51-5.00	Sangat Tinggi

(Nunnally & Bernstein, 1994)

Bagi analisis statistik inferensi, ujian korelasi dijalankan untuk menganalisis hubungan antara tahap minat dan penguasaan dengan pencapaian murid. Ujian ini perlu dilakukan bagi mengenal pasti tahap kebarangkalian bahawa sesuatu penemuan dan kajian ini berlaku sama ada secara kebetulan atau dipengaruhi pemboleh ubah. Tafsiran nilai pekali korelasi yang telah dirumuskan oleh Davies (1971) seperti Jadual 2.

Jadual 2: Nilai Pekali Korelasi (Davies, 1971)

Nilai Pekali Korelasi ®	Kekuatan Hubungan
1.00	Sempurna
0.70 - 0.99	Sangat Tinggi
0.50 - 0.69	Kukuh
0.30 - 0.49	Sederhana
0.10 - 0.29	Rendah
0.01 - 0.09	Boleh Diabaikan

Dapatan Kajian dan Perbincangan

(a) Demografi Responden

Dapatan kajian menunjukkan seramai 35 (46%) responden lelaki dan 41 (54%) responden perempuan, seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	35	46.1
Perempuan	41	53.9
Jumlah	76	100

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut kelas. Seramai 11 orang responden (14.5%) dari kelas Gemilang, 32 orang responden (42.1%) dari kelas Cemerlang, 17 orang responden (22.4%) dari kelas Bestari, 11 orang responden (14.5%) dari kelas Iltizam dan 5 orang responden (6.6%) dari kelas Harmoni.

Jadual 4: Kelas Responden

Kelas	Kekerapan	Peratus
Gemilang	11	14.5
Cemerlang	32	42.1
Bestari	17	22.4
Iltizam	11	14.5
Harmoni	5	6.6
Jumlah	76	100

Jadual 5 di bawah menunjukkan kekerapan responden *khatam* membaca al-Quran sehingga berumur 15 tahun. Seramai 33 orang (43.4%) responden *khatam* membaca al-Quran. Manakala 29 orang (38.2%) responden *khatam* membaca al-Quran sebanyak 2 hingga 4 kali; dan 14 orang responden (18.4%) telah berjaya *khatam* membaca al-Quran lebih dari 5 kali hanya seramai 14 orang (18.4%).

Jadual 5: Kekerapan Membaca *Khatam* al-Quran

Khatam Membaca al-Quran	Kekerapan	Peratus
1 Kali	33	43.4
2 hingga 4 Kali	29	38.2
Lebih 5 Kali	14	18.4
Jumlah	76	100

(b) Minat Responden Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Quran

Dapatan kajian berkaitan tahap minat terhadap tilawah al-Quran dibahagikan kepada dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Sebanyak tujuh item menunjukkan faktor dalaman dan lapan item menunjukkan faktor luaran. Dapatan kajian menunjukkan faktor minat dalaman responden terhadap pembelajaran tilawah al-Quran di tahap purata min tinggi (min=4.21). Item yang menunjukkan skor min tinggi ialah item (A1) suka mempelajari ilmu tilawah al-Quran (min=4.36), dan item (A2) merasakan tilawah al-Quran adalah bidang yang menarik dan tidak membosankan (min=4.31), item (A4) sentiasa bersedia untuk mempelajari bidang tilawah al-Quran (min=4.26), item (A5) bersungguh-sungguh belajar bidang tilawah al-Quran (min=4.06), item (A6) sentiasa meminta tunjuk ajar guru berkaitan pembacaan al-Quran (min=4.31) dan item (A7) menumpukan perhatian dalam pembelajaran tilawah al-Quran (min=4.22) mencatat min yang tinggi. Walau bagaimanapun, bagi item (A3) merasakan bahawa membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid adalah mudah mencatat min sederhana tinggi (min=3.97).

Jadual 6: Minat Dalaman Responden Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Quran

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)	Min	Sisihan Piawai
A1	Saya suka mempelajari ilmu tilawah al-Quran.	-	3 (3.9)	4 (5.3)	31 (40.8)	38 (50.0)	4.36	0.763
A2	Saya merasakan tilawah al-Quran adalah bidang yang menarik dan tidak membosankan.	1 (1.3)	2 (2.6)	4 (5.3)	34 (44.7)	35 (46.1)	4.31	0.803
A3	Saya merasakan bahawa membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid adalah mudah.	1 (1.3)	4 (5.3)	15 (19.7)	32 (42.1)	24 (31.6)	3.97	0.923
A4	Saya sentiasa bersedia untuk mempelajari bidang tilawah al-Quran.	-	1 (1.3)	8 (10.5)	37 (48.7)	30 (39.5)	4.26	0.699
A5	Saya bersungguh-sungguh belajar bidang tilawah al-Quran.	-	4 (5.3)	14 (18.4)	31 (40.8)	27 (35.5)	4.06	0.869
A6	Saya sentiasa meminta tunjuk ajar guru berkaitan pembacaan al-Quran.	-	1 (1.3)	9 (11.8)	31 (40.8)	35 (46.1)	4.31	0.734
A7	Saya menumpukan perhatian dalam pembelajaran tilawah al-Quran.	-	2 (2.6)	9 (11.8)	35 (46.1)	30 (39.5)	4.22	0.758

Purata min = 4.21

Jadual 7 menunjukkan purata min faktor minat dari sudut luaran pembelajaran tilawah al-Quran di tahap tinggi (min=3.18). Perkara ini dapat dilihat, min item (B1) ibu bapa mendorong dalam mempelajari di bidang tilawah al-Quran (min=4.51), item (B2) ibu bapa

sentiasa memastikan kebolehan dan kemahiran dalam membaca al-Quran dengan baik (min=4.39), item (B3) guru sentiasa memberi tunjuk ajar dalam memahami pembelajaran tilawah al-Quran (min=4.47), item (B4) guru sentiasa memberikan galakan untuk membaca al-Quran dengan baik (min=4.48), item (B5) guru mengajar ilmu tilawah al-Quran dengan kaedah menarik (min=4.32), dan item (B6) menyukai cara guru pendidikan Islam mengajar tilawah al-Quran (min=4.34). Dua item mencatat min sederhana tinggi iaitu item (B7) rakan-rakan saya sentiasa menasihati jika saya merasa malas dan bosan dalam mempelajari ilmu tilawah al-Quran (min=3.90) dan item (B8) rakan-rakan sentiasa memberikan tunjuk ajar dalam mempelajari di bacaan al-Quran (min=3.98).

Jadual 7: Minat Luaran Responden Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Quran

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)	Min	Sisihan Piawai
B1	Ibu bapa saya mendorong saya mempelajari ilmu dalam bidang tilawah al-Quran.	-	-	8 (10.5)	21 (27.6)	47 (68.8)	4.51	0.683
B2	Ibu bapa saya memastikan kebolehan dan kemahiran saya membaca al-Quran dengan baik.	-	-	8 (10.5)	30 (39.5)	38 (50.0)	4.39	0.674
B3	Guru saya sentiasa memberi tunjuk ajar dalam memahami pembelajaran tilawah al-Quran.	-	-	5 (6.6)	30 (39.5)	41 (53.9)	4.47	0.621
B4	Guru saya sentiasa memberi galakan kepada saya untuk membaca al-Quran dengan baik.	-	-	3 (3.9)	33 (43.4)	40 (52.6)	4.48	0.577
B5	Guru saya mengajar ilmu tilawah al-Quran dengan kaedah yang menarik.	1 (1.3)	1 (1.3)	8 (10.5)	28 (36.8)	38 (50.0)	4.32	0.822
B6	Saya suka cara guru pendidikan Islam saya mengajar tilawah al-Quran.	-	2 (2.6)	8 (10.5)	28 (36.8)	38 (50.0)	4.34	0.775
B7	Rakan-rakan saya sentiasa menasihati jika saya merasa malas dan bosan dalam mempelajari ilmu tilawah al-Quran.	2 (2.6)	6 (7.9)	16 (21.1)	25 (32.9)	27 (35.5)	3.90	1.060
B8	Rakan-rakan saya sentiasa memberikan tunjuk ajar kepada saya dalam mempelajari al-Quran.	2 (2.6)	6 (7.9)	15 (19.7)	21 (27.6)	32 (42.1)	3.98	1.089

Purata nilai min = 3.18

Berdasarkan Jadual 7, menunjukkan bahawa faktor luaran seperti ibu bapa, faktor guru, rakan sekelas dan persekitaran mampu menarik minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran ilmu tilawah al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan faktor utama responden minat dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tilawah al-Quran adalah guru pendidikan Islam. Ia bertepatan dengan dapatan kajian Nurul Hamimi (2024) dan Nuril Ham (2024). Selain itu, dorongan ibu bapa serta rakan sekelas juga memainkan peranan penting dalam membantu melahirkan minat murid dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Secara keseluruhan, analisis data berkaitan item minat terhadap pembelajaran tilawah al-Quran berada pada tahap yang tinggi. Ia selari dengan kajian Nurul Fadilah Mohamad (2022) yang menunjukkan faktor

tersebut mendorong murid untuk menguasai ilmu-ilmu al-Quran seperti bertarannum dan sebagainya.

(c) Motivasi Responden Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Quran

Dapatan kajian berkaitan tahap motivasi terhadap tilawah al-Quran dibahagikan kepada dua aspek iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Sebanyak tujuh item berkaitan motivasi intrinsik dan lapan item berkaitan motivasi ekstrinsik. Jadual 8 menunjukkan dapatan kajian tahap motivasi intrinsik responden terhadap pembelajaran tilawah al-Quran. Purata nilai min motivasi intrinsik responden terhadap pembelajaran tilawah al-Quran di tahap tinggi (min=4.33). Perkara ini dapat dilihat dengan item (C1) mengetahui banyak kelebihan apabila mempelajari tilawah al-Quran (min=4.36), item (C2) bersemangat dalam mempelajari di bidang tilawah al-Quran (min=4.28), item (C3) mendapat kepuasan apabila dapat menguasai tilawah al-Quran (min=4.42), item (C4) berusaha mengatasi halangan untuk mengelak kegagalan dalam bidang tilawah al-Quran (min=4.31), item (C5) rasa kecewa sekiranya tidak dapat membaca al-Quran dengan lancar, fasih dan bertajwid (min=4.56), item (C6) merancang strategi yang sesuai dalam pembelajaran tilawah al-Quran (min=4.22), dan item (C7) merasa bangga apabila dapat menyelesaikan tugas dalam aktiviti pembelajaran tilawah al-Quran (min=4.46). Dapatan tahap motivasi intrinsik dapat dilihat dalam Jadual 8.

Jadual 8: Motivasi Intrinsik Responden Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Quran

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)	Min	Sisihan Piawai
C1	Saya mengetahui banyak kelebihan apabila mempelajari di tilawah al-Quran.	-	-	6 (7.9)	36 (47.4)	34 (54.7)	4.36	0.629
C2	Saya bersemangat dalam mempelajari bidang tilawah al-Quran.	-	-	9 (11.8)	36 (47.4)	31 (40.8)	4.28	0.669
C3	Saya mendapat kepuasan apabila dapat menguasai tilawah al-Quran.	-	-	7 (9.2)	30 (39.5)	39 (51.3)	4.42	0.658
C4	Saya berusaha mengatasi halangan untuk mengelak kegagalan dalam tilawah al-Quran.	-	2 (2.6)	6 (7.9)	34 (44.7)	34 (44.7)	4.31	0.734
C5	Saya rasa kecewa sekiranya tidak dapat membaca al-Quran dengan lancar, fasih dan bertajwid.	-	-	4 (5.3)	25 (32.9)	47 (61.8)	4.56	0.596
C6	Saya merancang strategi yang sesuai dalam pembelajaran tilawah al-Quran.	-	1 (1.3)	15 (19.7)	26 (34.2)	34 (44.7)	4.22	0.809
C7	Saya merasa bangga apabila dapat menyelesaikan tugas dalam aktiviti pembelajaran tilawah al-Quran.	-	-	5 (6.6)	31 (40.8)	40 (52.6)	4.22	0.758

Purata nilai min = 4.33

Berdasarkan Jadual 8, motivasi intrinsik responden terhadap bidang tilawah al-Quran sangat baik. Ianya dapat memberikan kesan positif terhadap responden untuk berusaha mencapai tahap penguasaan tilawah al-Quran yang berkualiti. Ia selari dengan dapatan kajian

Nuril Ham (2024) yang menunjukkan kaedah-kaedah kontemporari dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran telah mendorong murid belajar dengan baik dan bermotivasi. Abdurrohman (2024) menyatakan motivasi intrinsik adalah dorongan dalam diri seseorang untuk mengetahui, rasa ingin tahun, bertanya dan rasa ingin tahu. Dalam al-Quran, terdapat banyak kisah motivasi yang bersifat intrinsik seperti kisah Nabi Musa dan Hidir a.s dalam surah al-Kahfi ayat 65 hingga 83. Al-Razi dalam menafsir ayat-ayat tersebut menyatakan kisah tersebut menekankan tentang adab belajar seperti meminta izin untuk belajar dan bersikap tawaduk terhadap guru.

Jadual 9 menunjukkan dapatan tahap motivasi ekstrinsik responden terhadap pembelajaran tilawah al-Quran. Purata min tahap motivasi ekstrinsik responden terhadap pembelajaran tilawah al-Quran adalah tinggi (min=4.26). Perkara ini dapat dilihat berdasarkan min item (D1) lebih bersungguh-sungguh dalam pembelajaran tilawah al-Quran apabila mendapat penghargaan dari guru (min=4.40), item (D2) merasakan ganjaran dan pujian menggalakkan saya mempelajari tilawah al-Quran (min=4.18), item (D3) merasakan hubungan yang mesra dan erat dengan guru meningkatkan pengukuhan tilawah al-Quran (min=4.31), item (D4) sentiasa mendapat pujian apabila membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid (min=4.03), item (D5) merasakan bahawa tugas tilawah al-Quran lebih mudah jika berkerjasama dengan rakan sekelas (min=4.27), item (D6) sering mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran tilawah al-Quran untuk meningkatkan pencapaian (min=4.00), item (D7) lebih bersemangat belajar tilawah al-Quran jika suasana dan persekitaran kelas berada dalam keadaan tersusun dan kemas (min=4.38) dan item (D6) bersungguh-sungguh mempelajari tilawah al-Quran untuk mendapatkan markah yang tinggi dalam peperiksaan (min=4.55).

Jadual 9: Motivasi Ekstrinsik Responden Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Quran

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)	Min	Sisihan Piawai
D1	Saya lebih bersungguh-sungguh dalam pembelajaran tilawah al-Quran apabila mendapat penghargaan dari guru.	-	1 (1.3)	5 (6.6)	32 (42.1)	38 (50.0)	4.40	0.676
D2	Saya merasakan ganjaran dan pujian menggalakkan saya mempelajari tilawah al-Quran.	-	4 (5.3)	12 (15.8)	26 (34.2)	34 (44.7)	4.18	0.890
D3	Saya merasakan hubungan yang mesra dan erat dengan guru meningkatkan pengukuhan tilawah al-Quran.	-	-	9 (11.8)	34 (44.7)	33 (43.4)	4.31	0.677
D4	Saya sentiasa mendapat pujian apabila membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid.	-	4 (5.3)	15 (19.7)	31 (40.8)	26 (34.2)	4.03	0.870
D5	Saya merasakan bahawa tugas tilawah al-Quran lebih mudah berkerjasama dalam kalangan rakan sekelas.	-	3 (3.9)	7 (9.2)	32 (42.1)	34 (44.7)	4.27	0.793
D6	Saya sering mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran tilawah al-Quran untuk meningkatkan pencapaian.	-	4 (5.3)	18 (23.7)	28 (36.8)	26 (34.2)	4.00	0.894
D7	Saya lebih bersemangat belajar tilawah al-Quran jika suasana	-	-	8 (10.5)	31 (40.8)	37 (48.7)	4.38	0.672

bersambung

	dan persekitaran kelas berada dalam keadaan tersusun dan kemas.							
D8	Saya bersungguh-sungguh mempelajari tilawah al-Quran supaya mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan.	-	-	4 (5.3)	26 (34.2)	46 (60.5)	4.55	0.597

Purata nilai min = 4.26

Berdasarkan Jadual 9, menunjukkan faktor motivasi ekstrinsik responden memberikan kesan yang sangat baik dalam bidang tilawah al-Quran secara penguasaan dan pencapaian akademik. Menurut Abdurrohman (2024), faktor motivasi ekstrinsik menjadikan seseorang terdorong dengan persekitaran luar. Contohnya konsep targhib dan tarhib boleh mendorong seseorang belajar atau minat dalam pembelajaran dengan lebih bersungguh-sungguh. Ia mempunyai kaitan dengan faktor motivasi intrinsik.

(d) Pencapaian Responden Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Quran

Dapatan kajian berkaitan pencapaian responden terhadap pembelajaran tilawah al-Quran dibahagikan kepada tiga aspek iaitu kelancaran bacaan, *fasahah* serta tajwid. Kemudian, dibincangkan juga aspek hafazan dan kefahaman intisari ayat al-Quran. Sebanyak enam item berkaitan kelancaran bacaan, *fasahah* dan tajwid, dan lima item berkaitan hafazan dan kefahaman intisari ayat al-Quran. Jadual 10 menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai pencapaian murid dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Purata min pencapaian murid dari aspek kelancaran bacaan, *fasahah* dan tajwid dalam bidang tilawah al-Quran di tahap tinggi (min=4.03). Terdapat empat item yang memperoleh skor min tinggi iaitu item (E2) boleh membaca al-Quran dengan lancar (min=4.07), item (E4) mahir menyebut kalimah al-Quran yang bersambung dengan baik (min=4.02), item (E5) mengetahui ilmu tajwid amat penting dalam pembacaan al-Quran (min=4.43), dan item (E6) mahir membaca al-Quran dengan bertajwid (min=4.10). Manakala dua item yang mencatat min sederhana tinggi iaitu (E1) mampu membaca al-Quran dengan baik tanpa pengawasan guru (min=3.89) dan item (E3) boleh menyebut ayat al-Quran dengan cara sebutan orang Arab (min=3.68).

Jadual 10: Item Kelancaran Bacaan, *Fasahah* dan Tajwid

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)	Min	Sisihan Piawai
E1	Saya mampu membaca al-Quran dengan baik tanpa pengawasan guru.	-	5 (6.6)	22 (28.9)	27 (35.5)	22 (28.9)	3.89	0.914
E2	Saya boleh membaca al-Quran dengan lancar.	-	3 (3.9)	15 (19.7)	31 (40.8)	27 (35.5)	4.07	0.844
E3	Saya boleh menyebut ayat al-Quran dengan cara sebutan orang arab.	1 (1.3)	9 (11.8)	25 (32.9)	19 (25.0)	22 (28.9)	3.68	1.060
E4	Saya mahir menyebut kalimah al-Quran yang bersambung dengan baik.	-	3 (3.9)	16 (21.1)	33 (43.4)	24 (31.6)	4.02	0.832
E5	Saya tahu bahawa ilmu tajwid amat penting dalam pembacaan al-Quran.	-	1 (1.3)	6 (7.9)	28 (36.8)	41 (53.9)	4.43	0.699
E6	Saya mahir membaca al-Quran dengan bertajwid.	F-	2 (2.6)	16 (21.1)	30 (39.5)	28 (36.8)	4.10	0.825

Purata nilai min = 4.03

Dari aspek hafazan, Jadual 11 menunjukkan dapatan kajian penguasaan responden dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Purata min pencapaian responden dari aspek hafazan dalam bidang tilawah al-Quran di tahap tinggi (min=4.11). Terdapat empat item yang memperolehi skor min yang tinggi iaitu item (F1) selalu mengulang surah-surah pilihan yang dipelajari dalam pembelajaran tilawah al-Quran (min=4.27), item (F2) memastikan terlebih dahulu baris, sifat huruf dan hukum tajwid sebelum menghafaz (min=4.21), item (F3) mempraktikkan hafazan saya dalam bacaan ketika solat (min=4.10), dan item (F4) sentiasa memperdengarkan bacaan hafazan saya kepada guru ataupun kawan-kawan (min=4.01). Satu item memperolehi skor min sederhana tinggi iaitu item (F5) sentiasa mencapai target hafazan pada waktu yang ditetapkan (min=3.97).

Jadual 11: Penguasaan Hafazan Responden dalam Pembelajaran Tilawah al-Quran

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)	Min	Sisihan Piawai
F1	Saya selalu mengulang surah-surah pilihan yang dipelajari dalam pembelajaran tilawah al-Quran.	-	2 (2.6)	9 (11.8)	31 (40.8)	34 (44.7)	4.27	0.776
F2	Saya akan memastikan terlebih dahulu baris, sifat huruf dan hukum tajwid sebelum menghafaz.	-	1 (1.3)	13 (17.1)	31 (40.8)	31 (40.8)	4.21	0.771
F3	Saya mempraktikkan hafazan saya dalam bacaan ketika solat.	-	3 (3.9)	15 (19.7)	29 (38.2)	29 (38.2)	4.10	0.857
F4	Saya sentiasa memperdengarkan bacaan hafazan saya kepada guru-guru atau kawan-kawan.	1 (1.3)	5 (6.6)	13 (17.1)	30 (39.5)	27 (35.5)	4.01	0.959
F5	Saya sentiasa mencapai target hafazan pada waktu yang ditetapkan.	-	2 (2.6)	23 (30.3)	26 (34.2)	45 (32.9)	3.97	0.863

Purata nilai min = 4.11

Dari aspek kefahaman intisari ayat al-Quran, Jadual 12 menunjukkan dapatan tersebut. Purata min menunjukkan kefahaman intisari ayat al-Quran dalam kalangan responden di tahap tinggi (min=4.11). Terdapat empat item yang memperolehi skor min yang tinggi iaitu item (G2) mengamalkan nilai murni atau pengajaran ayat al-Quran dalam kehidupan seharian (min=4.07), item (G3) cuba memahami maksud ayat al-Quran sebelum menghafaz (min=4.0), item (G4) yakin apabila memahami maksud ayat al-Quran dapat menambahkan rasa cinta terhadap ayat al-Quran (min=4.5), dan item (G5) memperbaiki akhlak dan cara kehidupan seharian setelah mengetahui pengajaran ayat al-Quran yang dipelajari (min=4.38). Satu item yang memperolehi skor min sederhana tinggi iaitu (G1) memahami intisari ayat-ayat hafazan tilawah al-Quran (min=3.60).

Jadual 12: Penguasaan Kefahaman Intisari Ayat al-Quran dalam Pembelajaran Tilawah al-Quran

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)	Min	Sisihan Piawai
G1	Saya memahami intisari ayat-ayat hafazan tilawah al-Quran.	2 (2.6)	5 (6.6)	29 (38.2)	25 (32.9)	15 (19.7)	3.60	0.967
G2	Saya mengamalkan nilai murni atau pengajaran ayat al-Quran dalam kehidupan seharian.	1 (1.3)	2 (2.6)	12 (15.8)	36 (47.4)	25 (32.9)	4.07	0.844
G3	Saya cuba memahami maksud ayat al-Quran sebelum menghafaz.	1 (1.3)	2 (2.6)	18 (23.7)	30 (39.5)	25 (32.9)	4.00	0.894
G4	Saya yakin apabila memahami maksud ayat al-Quran akan menambahkan rasa cinta akan al-Quran.	-	-	8 (10.5)	22 (28.9)	46 (60.5)	4.50	0.683
G5	Saya memperbaiki akhlak dan cara kehidupan seharian setelah mengetahui pengajaran ayat al-Quran yang dipelajari.	-	-	8 (10.5)	31 (40.8)	37 (48.7)	4.38	0.672

Purata nilai min = 4.11

(e) Hubungan Minat Serta Motivasi dengan Pencapaian Responden Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Quran

Ujian korelasi dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. Pemboleh ubah tersebut adalah hubungan antara tahap minat dengan pencapaian responden terhadap pembelajaran tilawah al-Quran. Jadual 13 menunjukkan hubungan antara minat responden dengan pencapaian dalam bidang tilawah al-Quran.

Jadual 13: Korelasi Antara Tahap Minat dengan Pencapaian Responden dalam Pembelajaran Tilawah al-Quran

Perkara	Tahap Minat	Pencapaian Pembelajaran Tilawah al-Quran
Korelasi Pearson		
Sig. (2 tailed)	76	r 0.680**
N		<0.034

**korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$

Berdasarkan Jadual 13, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap minat dengan pencapaian responden dalam bidang tilawah al-Quran. Nilai signifikan adalah pada tahap $< .001$ iaitu lebih rendah daripada 0.05 menunjukkan terdapat perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati bahawa minat mempengaruhi pencapaian responden dalam pembelajaran tilawah al-Quran.

(f) Hubungan Diantara Motivasi Responden dengan Pencapaian dalam Bidang Tilawah al-Quran

Ujian korelasi dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. Pemboleh ubah tersebut adalah hubungan antara tahap motivasi responden

dengan pencapaian dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Jadual 14 berikut menunjukkan hubungan antara motivasi dengan pencapaian responden dalam bidang tilawah al-Quran.

Jadual 14: Korelasi Antara Tahap Motivasi dengan Pencapaian Responden dalam Pembelajaran Tilawah al-Quran

Perkara	Tahap Motivasi	Pencapaian Pembelajaran Tilawah al-Quran
Korelasi Pearson		
Sig. (2 tailed)	76	r 0.780**
N		<0.000

**korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$

Berdasarkan Jadual 14, ujian korelasi menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara tahap motivasi dengan pencapaian murid dalam bidang tilawah al-Quran. Nilai signifikan adalah pada tahap $< .001$ iaitu lebih rendah daripada 0.05 menunjukkan terdapat perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati bahawa motivasi mempengaruhi pencapaian responden dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Dapat disimpulkan bahawa minat dan motivasi memang mempengaruhi pencapaian murid dalam menguasai al-Quran dengan baik.

Kesimpulan

Rumusannya, kajian berkaitan minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran di sekolah menengah kebangsaan telah membuktikan bahawa faktor-faktor ini mempengaruhi pencapaian murid dalam bidang tilawah al-Quran berdasarkan dapatan kajian menunjukkan minat serta motivasi dan hubungannya dengan pencapaian murid berada pada paras yang tinggi. Oleh yang demikian, perkara ini perlu diambil perhatian oleh pelbagai pihak secara konsisten bagi membentuk murid bermotivasi tinggi dan meminati pembelajaran apa jua bidang agar memberikan impak yang terbaik dan berkualiti khususnya Pendidikan Islam. Oleh itu, secara keseluruhannya kajian ini telah mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian yang berkaitan minat dan motivasi murid dalam pembelajaran tilawah al-Quran.

Rujukan

- Abdurrohim & Ali Mudlofir. (2024). Konsep Motivasi Belajar Perspektif al-Quran dan Relevansinya dengan Pendidikan Islam. *Jurnal Tinta*, 6(1), 129–139. <https://doi.org/10.35897/jurnaltinta.v6i1.1156>
- Ahmad Tamizi Abu, R. A. (2020). Pembinaan Modul Pengajaran al-Quran (*al-Alaq*) dengan Menggunakan Model Instruksional ADDIE. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3), 152-167.
- Mohd Kanafiah, M. Y. H., Hehsan, A., Latif, M. K. & Khairon, I. (2022). Kajian Rintis Ciri Motivasi Pembelajaran Taranum al-Quran dalam Kalangan Belia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 80–90. Retrieved from <https://www.al-qanatir.com/aq/article/view/525>
- Noh, M. A. (2020). Pengaruh Faktor Minat, Motivasi, Persekitaran Sekolah, Kaedah Pembelajaran Murid dan Strategi Pengajaran Guru Terhadap Tahap Literasi Murid Dalam Bidang Qiraat. *TAMU* 6(2), 45-60.
- Norlizah Che Hassan, F. M. (2017). Minat Murid yang Mengikuti Aliran Tahfiz dan Bentuk Sokongan yang diterima. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)* 1(2), 67-78.

- Nuril Ham Al Hafizah Zahari, & Sharifah Norshah Bani Syed Bidin. (2024). Trend Kajian Kaedah Kontemporari Pembelajaran al-Quran: Soroton dari Tahun 2019 hingga 2023. *Ma'alim Al-Qur'an Wa Al-Sunnah*, 20(2), 319–340. <https://doi.org/10.33102/jmqgs.v20i2.495>
- Nurul Hamimi Awang Japilan, Norhisham Muhammad & Jahidih Sali. (2024). Dimensi Pengalaman Mengajar dan Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Pengajaran Tilawah al- Quran: Sebuah Analisis Korelasi. *Journal of Islamic Educational Research*, 10(1), 70-83.
- Nurul Huda Zainal Abidin, N. O. (2019). Konsep dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi dan Musyafahah dalam Pembelajaran Al-Quran. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 3(1), 27-35.
- Rozaimi Kamaruddin, Uyuna Mohd Amin, Mohd Saifullah Zulkapli & Syafaat Sapar. (2017). Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Kajian Pelaksanaan Pengurusan Konvensional dan Pengurusan Islam. *International Journal of Social Policy and Society (IJSPS)*. 13(1), 48-62.
- Sh.Noorhidayah Syed Aziz1, K. A. (2022). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Sahsiah Murid Tahfiz. *Jurnal Pengajian Islam* 15(1), 259-171.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, M. S. (2018). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran: Kajian Di Masjid UniSZA. *Jurnal Hadhari* 10 (1), 93-108.
- Sofiah Mohamed, K. &. (2016). Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika (UKM)*, 86(2), 31-42.
- Syaza Mohd Sabri, S. C. (2014). Kajian Minat dan Motivasi Murid Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2014)*, 471-477.
- Yunus, S. S. (2021). Pembangunan Psiko-Pendidikan Karakter: Analisis Teori Psikologi Barat dan Islam. *Jurnal Perspektif* 13(2), 22-32.
- Zaliza Mohamad Nasira, Z. A. (2014). Sikap dan motivasi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Social and Behavioral Sciences* 13(2), 408-415.
- Zetty Nurzuliana Rashed, A. T. (2016). Peranan al-Quran Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan dan Hubungannya Dengan Sains. *Proceeding of 5th International Conference on Islamic Education 2016 (ICIED 2016) Vol 1*, 1-10.
- Zetty Nurzuliana Rashed, M. A. (2015). Amalan Pengajaran Guru Tilawah Al-Quran: Kajian Kes di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1), 77-86.